



MINGGUAN MALAYSIA

20/8/2017 p. 21

Zylane tidak mahu berputih mata

KUALA LUMPUR 19 Ogos - Zylane Lee tidak mahu lagi terlepas emas apabila turun mengetuai skuad renang berirama pada hari terakhir acara sukan itu yang masih mempunyai dua pingat emas daripada lima yang ditawarkan.

Dua acara itu adalah rutin duet bebas dan berkumpulan yang akan berlangsung esok di Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil.

Sebelum itu, skuad negara melepaskan dua pingat emas ke tangan pencabar terkuat negara, Singapura dan situasi itu menyaksikan perenang berusia 25 tahun tersebut tidak lagi mahu 'berputih mata' dengan membenarkan pingat emas terus menjadi milik pencabarnya.

Bermain di laman sendiri Zylane masih kemampuan pingat emas apabila dua acara disertainya hanya menghadirkan pingat perak iaitu dalam acara rutin solo bebas dan rutin duet teknikal bersama Gan Hua Wei.

"Saya sedikit terkilan kerana masih gagal menghadiahkan emas untuk negara selepas dua acara di sertai. Esok merupakan peluang terbaik meraih emas biarpun sedar cabaran sengit pasti diberikan perenang Singapura.

"Kami akan terus melangkah ke depan tanpa menangi kekalahan lepas. Saya dan rakan sepasukan hanya boleh menjanjikan aksi terbaik dan aspek lain terserah kepada juri yang memberi markah," katanya.

ZYLANE
LEE

